



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2018/2019  
PROGRAM KERJASAMA**

**COURSE CODE** : DDPW/ DDWW 2143  
**KOD KURSUS**

**COURSE NAME** : BUSINESS LAW / UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN  
**NAMA KURSUS**

**YEAR / PROGRAMME** : DDPW/ DDWW  
**TAHUN / PROGRAM**

**DURATION** : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT  
**TEMPOH**

**DATE** : NOVEMBER 2018  
**TARIKH**

**INSTRUCTIONS**  
**ARAHAN**

1. Students may refer to the relevant Acts.  
*(Pelajar dibenarkan merujuk kepada Akta yang berkaitan)*
2. Please refer to specific instructions inside.  
*(Sila rujuk kepada arahan terperinci di bahagian dalam kertas soalan).*
3. Answer all questions in the answer booklet provided.  
*(Sila jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan).*

*(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah anda pada skrip jawapan)*

<b>NAME / NAMA PELAJAR</b>	:	.....
<b>I.C NO. / NO. K/PENGENALAN</b>	:	.....
<b>YEAR / PROGRAM TAHUN / PROGRAM</b>	:	.....
<b>COLLEGE NAME NAMA KOLEJ</b>	:	.....
<b>LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH</b>	:	.....

This examination paper consists of 7 pages including the cover  
*Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan*



**PUSAT PROGRAM KERJASAMA**

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK  
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

**1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN**

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

**2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN**

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

**Section A: Answer ALL of the questions. "True" or "False" statements. (10 marks/markah)**

**(Bahagian A: Jawab SEMUA soalan. Pernyataan "Betul" atau "Salah".)**

- Q1. Parliament is made up of State Legislative Assembly and Executive Council  
*[Parlimen terdiri daripada Dewan Undangan Negeri dan Majlis Eksekutif.]*
- Q2. The highest subordinate courts in Malaysia is the Session Court.  
*[Mahkamah rendah tertinggi di Malaysia adalah Mahkamah Sesyen.]*
- Q3. Civil law is a public law  
*[Undang-undang sivil adalah undang-undang awam.]*
- Q4. Private law comprised of Administrative law, Law of Contract and Law of Succession.  
*[Undang-undang persendirian terdiri daripada Undang-Undang Pentadbiran, Undang-Undang Kontrak dan Undang-Undang Pewarisan.]*
- Q5. Rozi sold her ring to Sally for RM300 or RM500. There is a contract between them. This is an issue under adequacy of consideration.  
*[Rozi menjual cincinnya kepada Sally dengan harga RM300 atau RM500. Kontrak wujud di antara mereka berdua. Isu dalam ke sini adalah di bawah balasan memadai.]*
- Q6. The relevant section to define "contract of sale of goods" under the Sale of Goods Act 1957 is section 6(1).  
*[Peruntukan berkaitan yang mendefinisikan "kontrak jual barang" di bawah Akta Jualan Barangan 1957 adalah seksyen 6(1).]*
- Q7. The maxim **nemo dat quod non habet** means the buyer must beware of the goods bought.  
*[Maksim **nemo dat quod non habet** bermakna pembeli mesti berwaspada dengan barang yang dia beli.]*
- Q8. A hire purchase agreement includes a letting of goods with an option to purchase and an agreement for the purchase of goods by installment.  
*[Perjanjian sewa beli termasuklah sewaan barang-barang dengan opsiyen untuk membeli dan satu perjanjian untuk membeli barang-barang itu dengan secara ansuran.]*

Q9. Under the Contracts Act 1950, the agreement made on the account of natural love and affection between parties standing in near relation must be in writing.

*[Di bawah Akta Kontrak 1950, perjanjian yang dibuat di atas dasar kasih sayang semula jadi di antara pihak-pihak yang mempunyai hubungan akrab mestilah dibuat secara bertulis.]*

Q10. Rohana promised her parents to celebrate their 25<sup>th</sup> wedding anniversary at a hotel. She has no obligation to fulfill this promise because there is no intention to create legal relation.

*[Rohana berjanji dengan ibubapanya untuk menghadiri majlis menyambut ulang tahun ke 25 perkahwinan mereka. Rohana tidak mempunyai tanggungan untuk memenuhi janji itu kerana tiada niat untuk membentuk hubungan undang-undang.]*

**Section B: Answer five (5) questions only.**

**(40 marks/markah)**

*(Bahagian B: Jawab lima (5) soalan sahaja.)*

- Q1. Explain "discharge of contract" under the Contract law in Malaysia.  
*[Terangkan "pelepasan kontrak" di bawah undang-undang Kontrak di Malaysia.]*
- (8m)**
- Q2. Explain the meaning of "invitation to treat" and its effect on contract  
*[Terangkan makna "pelawaan membuat tawaran" dan kesannya di bawah kontrak.]*
- (8m)**
- Q3. Explain by giving examples of the differences between unenforceable contract and promise.  
*[Terangkan dengan memberikan contoh-contoh, perbezaan di antara kontrak tidak boleh dikuatkuasakan dan janji.]*
- (8m)**
- Q4. Insurance contracts are 'uberrimaefidei'(of the utmost good faith). Explain the meaning of this legal principle.  
*[Kontrak insuran adalah 'uberrimaefidei' (mustahaknya niat baik dan jujur). Terangkan maksud prinsip undang-undang ini.]*
- (8m)**
- Q5. Discuss the differences between condition and warranties in a contract for the sale of goods.  
*[Bincangkan perbezaan di antara syarat dan waranti dalam kontrak jualan barangan.]*
- (8m)**
- Q6. Explain the meaning of the "rule of law". Is it similar to the meaning of "law"? Give reason for your answer  
*[Terangkan makna "rule of law". Adakah ia sama dengan makna "undang-undang"? Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda.]*
- (8m)**

- Q7. With reference to the provisions of the Hire Purchase Act 1967, explain the statutory rights of a hirer under a hire purchase agreement.

*[Dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan Akta Sewa Beli 1967, terangkan hak-hak statut seseorang penyewa di bawah perjanjian sewa beli.]*

**(8m)**

- Q8 Describe the hierarchy of courts in Malaysia and explain the jurisdiction of the Federal Court.

*[Nyatakan hirarki mahkamah-mahkamah di Malaysia dan terangkan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan.]*

**(8m)**

Section C : Answer ALL questions below :

(10 marks/markah)

(Bahagian C: Jawab SEMUA soalan berikut:)

- Q1. Sherry is a top singer and she appointed Liza as her manager to handle her schedule as an artist. Under the employment contract, Liza is entitled to 2% of the proceeds received by Sherry from each of her performance. The contract was for "as long as Liza is willing to be Sherry's manager". Recently, Sherry wished to terminate Liza as her manager. Advise Sherry whether she is bound by the contract.

*[Sherry adalah penyanyi terkemuka dan dia telah melantik Liza sebagai pengurusnya untuk mengendalikan jadualnya sebagai artis. Di bawah kontrak pekerjaan itu, Liza berhak kepada 2% daripada bayaran yang diterima Sherry bagi setiap persembahannya. Kontrak itu juga mengandungi terma "selagi Liza sanggup menjadi pengurus Sherry" Baru-baru ini Sherry berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan Liza sebagai pengurus. Nasihatkan Sherry samada dia terikat dengan kontrak itu.]*

(5 M)

- Q2. Tara, an illiterate old woman, lives with her nephew Kamal. Kamal told her aunt that he wanted to rent her house to a tenant for RM 2000 per month for two years. After "thumbprinting" a number of documents, Tara obtained the RM 2000 rental. Three months after signing the documents, her neighbor informed her that her house was already sold to Ali. Tara was told that the documents which she signed was in fact a sale and purchase agreement and transfer instrument of her house. Tara came to see you and wanted to know whether the contract to sell her house is valid or not. Advise Tara, based on the relevant provisions of the Contract Act 1950 and related case law.

*[Tara seorang wanita tua yang buta huruf tinggal bersama-sama anak saudaranya bernama Kamal. Kamal memberitahu ibu saudaranya itu yang dia mahu menyewakan rumah Tara kepada penyewa dengan sewaan RM 2000 sebulan selama dua tahun. Setelah menurunkan cap jarinya untuk beberapa dokumen, Tara telah mendapat wang sebanyak RM 2000 sebagai bayaran sewa pertama. Tiga bulan selepas menandatangani dokumen-dokumen itu, Tara diberitahu oleh jirannya bahawa rumahnya telah pun dijual kepada Ali. Tara mendapat tahu bahawa dokumen yang telah ditandatangani adalah kontrak jualan rumahnya. Tara meminta nasihat anda samada kontrak jualan rumahnya itu sah atau pun tidak. Berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Kontrak 1950 dan kes-kes mahkamah yang berkaitan, nasihatkan Tara.]*

(5 M)

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*